

**LAPORAN BIMBINGAN PERGURUAN
PROFESIONAL DALAM TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**

JILID SATU

NIK AHMAD HISHAM ISMAIL
NIK SURYANI NIK ABDUL RAHMAN
AHMAD MARZUKI ZAINUDDIN
MOHD SAHARI NORDIN

© Centre for Teaching and Learning
Institute of Education
International Islamic University Malaysia
Terbitan Pertama 2007

Ucapan terima kasih dihulurkan kepada kakitangan CTL yang memberikan kerjasama yang terbaik.

Terima kasih untuk Cik Norhayati Hj Mohd Yusof dan Cik Noor Salwani Hj Mat Daud

© Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.



Centre for Teaching and Learning,
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

PENGENALAN

Kajian ini adalah untuk meninjau keberkesanannya kursus

Bimbingan Perguruan Profesional dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BPPT) dikalangan guru-guru sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Kursus yang dijalankan oleh Prestariang Sdn Bhd ini bertujuan untuk melatih kesemua 100,000 (seratus ribu) guru-guru di seluruh negara dan melengkapkan mereka dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan pemahaman tentang bila dan bagaimana untuk menggunakan IT dengan berkesan di dalam kelas. Guru-guru yang terpilih ditempatkan di 60 pusat kursus dan mereka diajar secara bersemuka dan juga dengan menggunakan ‘online courseware’.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji

keberkesanan kursus program BPPT melalui penilaian tahap pengetahuan dan penggunaan ICT dalam pengajaran dan perkembangan kurikulum guru-guru serta meninjau sejauh manakah keberkesanan tugas jurulatih-jurulatih program. Selain daripada itu, segala maklum balas yang diterima daripada para jurulatih juga dikaji bagi memahami keperluan selanjutnya yang diperlukan oleh guru-guru dan seterusnya meningkatkan mutu program ini di masa hadapan.

RESPONDEN

Seramai 2,634 responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada guru-guru dari 6 zon iaitu Zon Sabah (432 responden), Zon Sarawak (198 responden), Zon Tengah (894 responden), Zon Timur (132 responden), Zon Selatan (894 responden) dan Zon Utara (84 responden). Secara umumnya, kebanyakan guru dari setiap zon telah memberikan persepsi yang positif kepada kursus yang mereka ikuti, kecuali guru-guru dari Zon Utara yang telah mencatatkan peratusan yang agak rendah, iaitu 65.08%.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metode kajiselidik ataupun ‘survey’

yang dijalankan secara online. Setiap responden dikehendaki melayari laman web Prestariang dan menjawab kesemua tujuh (7) soalan yang diberikan. Kesemua tujuh soalan tersebut dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian I dan Bahagian II. Bahagian I, mempunyai tiga (3) soalan yang mana menilai sejauh mana keberkesanannya kursus. Bahagian II pula, mengandungi empat (4) soalan dan bertujuan menilai keberkesanannya sistem pengajaran tenaga pelatih. Berikut adalah penilaian yang digunakan untuk kedua-dua bahagian:

PENILAIAN				
Nilai	4	3	2	1
Bahagian I	Sangat Setuju	Setuju	Kurang Setuju	Tidak Setuju
Bahagian II	Tinggi	Sederhana	Rendah	Tiada

Rajah 1.1
Sistem Penilaian Untuk Bahagian I dan Bahagian II

DAPATAN

Berikut adalah dapatan kajian dan analisa yang dilakukan mengikut soalan-soalan yang sediakan.